

Kerajaan kumpul 80,000 aspirasi orang muda Malaysia demi jayakan TN50

Penuhi hasrat isi hati orang muda

Oleh NUR AISHAH MOHD. AMIN

SEPAANG – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pembangunan dan transformasi yang dilaksanakan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) adalah berlandaskan gagasan daripada isi hati orang muda.

Menurut Perdana Menteri, sehingga kini sebanyak 80,000 aspirasi orang muda telah dikumpulkan untuk Transformasi Nasional 2050 (TN50).

“Tanggungjawab pemimpin bukannya bermain politik atau hanya buat dasar jangka pendek tetapi mesti buat daripada isi dan gagasan besar untuk memberi harapan kepada orang muda.

“Jika terus dipimpin BN, impian orang muda akan dapat kita penuhi,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Hari Gerakan Belia 4B Malaysia dan Karnival Sukan Muhibah 2018 di Homestay Banghurus di Kampung Ulu Chucoh, Sungai Pelek di sini semalam.



NAJIB bersalaman dengan orang ramai yang menyambutnya pada Majlis Pelancaran Hari Gerakan Belia 4B Malaysia di Sungai Pelek, Sepang semalam.

Hadir sama, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron dan Pre-

siden Gerakan 4B, Mohd. Nizam Omar.

Menurut Najib, kerajaan mengamalkan pelbagai polisi mesra orang muda seperti pendekatan Pendidikan Teknikal dan

Vokasional, Parlimen Belia, Felo Perdana serta mewujudkan Bandar Belia.

“Bandar Belia akan diwujudkan di tiga buah negeri. Yang pertamanya di Tanjung Malim, Perak. Jika BN menang di Selangor, kita boleh wujud di Selangor pula,” katanya disambut tepukan gemuruh hadirin.

Najib berkata, kerajaan hari ini terbuka kepada pandangan rakyat termasuk orang muda yang menjadi antara faktor beliau memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri setelah dilantik sebagai Perdana Menteri.

“Sebab kita mahu masyarakat tidak dikongkong ketakutan dengan pemimpin yang dikatakan diktator atau autokratik,” katanya yang menjadi Perdana Menteri keenam sejak 3 April 2009.

Dalam pada itu, Najib berkata, beliau sedar bahawa beliau menjadi mangsa kepada berita palsu dan kecaman.

“Saya terima kerana inilah dinamakan demokrasi selagi ia bukan fitnah,” katanya.